KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	23.02.22	MUKA SURAT	:	30
JABATAN	:	JPSM			

Warta Bukit Makro sebagai HSK

MARAN: Penduduk di daerah ini memohon kerajaan negeri membatalkan sebarang permohonan lesen pembalakan hutan di Bukit Makro di sini sekali gus mewartakan lokasi berkenaan sebagai kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK).


Penduduk yakin tindakan berkenaan mampu mengekalkan kelestarian alam semula jadi di kawasan terbabit untuk tempoh jangka panjang.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, suri rumah, Saadiah Md. Pilus, 57, tindakan membatalkan lesen pembalakan di hutan itu adalah keputusan tepat dan perlu disambut baik masyarakat setempat.

"Bila dapat berita tentang Hutan Bukit Makro akan dijadikan tempat pembalakan, kita tidak setuju, sebab sebelum ini Maran sudah berdepan banjir teruk disebabkan pembangunan.

"Saya akui kita tidak boleh tolak pembangunan, tetapi, pembangunan tidak dirancang boleh memberikan kemudaratan kepada penduduk.

"Jadi, kalau boleh. memang hendak Hutan Bukit Makro diwartakan sebagai HSK, ini kerana lokasinya di kawasan bandar, kalau di kawasan pedalaman itu, boleh jika hendak ditebang balak pun," katanya ketika ditemui di bandar Maran di sini semalam.



PEMANDANGAN yang menarik dari atas Bukit Makro, apabila dapat melihat keindahan bandar Maran. - UTUSAN/DIANA SURYA ABD WAHAB

Bagi Ramli Maarof, 63, yang merupakan pengusaha madu kelulut, langkah mewartakan hutan Bukit Makro sebagai HSK begitu penting kerana bukan sahaja untuk kehidupan masyarakat setempat, malah, hidupan liar dan alam sekitar.

"Bukit Makro ini perlu dilindungi sebaiknya dan Majlis Daerah Maran (MDM) perlu memperindahkan kawasan sekitarnya susulan ramai penduduk melakukan pendakian di situ.